



Ruj. Kami: JANM.BPOPA.600-4/2/4  
Tarikh: 22 Februari 2019

**Semua Ketua Akauntan Kementerian**

**Semua Pengarah Negeri dan Cawangan  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia**

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**L1111107 - DEPOSIT WANG JAMINAN PELAKSANAAN (WJP)**

Dengan hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara diatas dan Garis Panduan Tindakan Selepas Baki Awal Deposit Tersedia di iGFMAS.

2. Dimaklumkan bahawa data baki awal bagi akaun deposit WJP yang dibawa masuk dalam sistem iGFMAS tidak dilengkapi dengan nombor rujukan surat setuju terima (SST). Ini menyebabkan proses bayaran balik akaun deposit WJP terganggu kerana SST ini merupakan elemen utama dalam membolehkan bayaran balik dibuat.
3. Bersama-sama ini disertakan tatacara pelarasan kemaskini maklumat SST bagi deposit WJP yang melibatkan data baki awal untuk tujuan bayaran pulangan balik. Tatacara yang sama juga digunakan bagi tujuan pelarasan akaun subsidiari 'dummy' ke pendeposit sebenar.

Sekian, Terima Kasih

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"**

Saya yang menurut perintah,

**QAMARUL MUNIRAH BINTI MOHAMED YUNUS C.A (M)**  
b.p Pengarah  
Bahagian Pengurusan Operasi Pusat & Agensi  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

**TATACARA PELARASAN KEMASKINI MAKLUMAT SURAT SETUJU TERIMA (SST) BAGI DEPOSIT WANG JAMINAN PELAKSANAAN (WJP) YANG MELIBATKAN DATA BAKI AWAL UNTUK TUJUAN BAYARAN PULANGAN BALIK**

**1.0 TUJUAN**

Tatacara ini bertujuan memberi panduan berkenaan dengan tindakan kemaskini maklumat SST bagi akaun deposit WJP (L1111107) yang melibatkan data bagi awal (termasuk subsidiari dummy).

**2.0 LATAR BELAKANG**

Migrasi data baki awal kod deposit WJP ke sistem iGFMS telah disempurnakan pada September 2018 yang lalu. Kod Pembekal Akaun Subsidiari (*ID Vendor*) bermula dengan digit 6000\* (10 digit). Semakan ke atas senarai akaun subsidiari mendapati terdapat banyak subsidiari diletakkan dibawah Akaun Subsidiari Dummy dan atas nama Kementerian/ Jabatan/ Bahagian. Subsidiari dummy dapat dikenalpasti dengan melihat catatan dimedan 'text' (laporan FAGLB03/ FAGLL03) sebagai ABB\_DUMMY\_WJP.

Data baki awal yang dibawa dalam iGFMS adalah berdasarkan template baki awal yang dikemukakan oleh Kementerian. Kod Pembekal ini dijana oleh sistem secara auto. Oleh sebab itu, akan terdapat pembekal yang mempunyai lebih daripada satu kod pembekal iaitu dari data baki awal dan dari kod pembekal yang didaftarkan melalui eVendor atau SAP GUI sebelum data baki awal selesai dibawa masuk ke iGFMS. Kod pembekal yang wujud dari data baki awal tidak mempunyai maklumat lengkap pembekal seperti akaun Bank.

Selain itu, data baki awal akaun deposit WJP yang dibawa dalam iGFMS tidak mempunyai maklumat nombor Surat Setuju Terima (SST) yang merupakan item penting semasa pembayaran balik WJP dibuat.

**3.0 PELAKSANAAN:**

Subsidiari data baki awal deposit terdiri daripada 2 jenis iaitu subsidiari yang telah dikenalpasti dan subsidiari dummy. Subsidiari dummy berkemungkinan sebenarnya terdiri daripada seorang pendeposit atau lebih.

Senarai semak tindakan kemaskini maklumat SST adalah seperti berikut:

BIL	TINDAKAN	( / )
1	Semak maklumat vendor lengkap dan betul.	
2	Sekiranya tidak lengkap, wujudkan kod pembekal baru.	
3	Sediakan jurnal : i) KJ Pelarasana Penerima atau KJ Biasa - sekiranya melibatkan 1 kod pembekal kepada 1 kod pembekal yang lain;	
	ii) KJ Biasa – sekiranya melibatkan 1 kod pembekal kepada lebih daripada 1 kod pembekal.	
4	Log incident untuk <b>mohon kemaskini data induk SST di dalam table ZAPM006 – deposit WJP</b>	
5	Proses baucar bayaran balik Wang Jaminan Pelaksanaan setelah merima maklumbalas (proposed solution) dari Solman	

#### 4.0 TATACARA:

Terdapat dua (2) senario bagi akaun deposit WJP ini iaitu 1 akaun subsidiari (pembekal asal) kepada 1 akaun subsidiari (pembekal baru) dan 1 akaun subsidiari (pembekal asal) kepada lebih daripada 1 akaun subsidiary (pembekal baru).

##### 4.1 Pelarasan 1 kod pembekal kepada 1 kod pembekal yang lain (one to one):

- a. Pastikan kod pembekal yang sebenar telah diwujudkan dalam maklumat pembekal iGFMAS dengan memastikan maklumat akaun bank dan maklumat SST telah dikemaskini. (rujuk MPK Pengurusan Vendor iGFMAS);
- b. Proses pelarasan pembekal menggunakan Baucar Jurnal Modul Arahan Pembayaran (KJ) **Pelarasan Antara Penerima** atau **Jurnal Biasa**. Pelarasan *open item* dari pembekal lama kepada pembekal baru ini hendaklah mencatat nombor kontrak fizikal di ruang medan Kod Kegunaan Pusat Tanggungjawab. (rujuk MPK Modul Akaun Bayaran – Baucar Jurnal iGFMAS);

KOD DIPERTANGGUNG														KOD MEMBAYAR				
Bil	Kategori	Subsidiari	Kod akaun	Spe G/L Ind	Pegawai Pengawal	Kump PTJ & PTJ	Vot/ Dana	Program/ aktiviti	Projek	Setia	Sub setia	CP	Amaun (Dt) RM	Amaun (KT) RM	Pegawai Pengawal	Kump PTJ & PTJ	Pejabat Perakaunan	Kod Kegunaan Pusat Tanggungjawab
1	Pembekal	6000253890	L1111107	J	B3	21010101	G000						18,936.91		B3	91031400	1006	
2	Pembekal	6000351002	L1111107	J	B3	21010101	G000							18,936.91	B3	91031400	1006	JKR/IP/CKUB/160/2016

- c. Selepas perakuan II baucar jurnal para 3.1 (b) tersebut, PTJ perlu log incident (solman) bagi tujuan memaklumkan nombor dokumen kawalan bagi KJ pelarasan yang telah dibuat dan mengemukakan maklumat berkenaan pendeposit mengikut template seperti di **Lampiran A**. Proses ini perlu dibuat bagi tujuan mengemaskini data induk SST di dalam Table ZAPM006. Log incident ditetapkan seperti berikut:
  - Tajuk incident: **Mohon kemaskini data induk SST di dalam table ZAPM006 – deposit WJP**
  - Kategori 1: Aplikasi
  - Kategori 2: Data Induk
  - Kategori 3: Maklumat Pembekal
- d. PTJ akan menerima maklum balas (proposed solution) berkenaan dengan tindakan kemaskini Table ZAPM006 telah selesai dilaksanakan;
- e. Proses bayaran pulang balik deposit boleh dibuat menggunakan invoice tanpa PT-bayaran balik WJP (KW). Sila gunakan kod vendor sebenar dan nombor kontrak fizikal seperti di 3.1(b). (rujuk MPK Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan).

4.2 **Pelarasan 1 kod pembekal kepada lebih daripada 1 kod pembekal yang lain (one to many):**

- a. Pastikan kod pembekal yang sebenar telah diwujudkan dalam maklumat pembekal iGFMS dengan memastikan maklumat akaun bank dan maklumat SST telah dikemaskini. (rujuk MPK Pengurusan Vendor iGFMS);
- b. Proses pelarasan pembekal menggunakan Baucar Jurnal Modul Arahan Pembayaran (KJ) **Pelarasan Antara Penerima** atau **Jurnal Biasa**. Pelarasan *open item* dari pembekal lama kepada pembekal baru ini hendaklah mencatat nombor kontrak fizikal di ruang medan Kod Kegunaan Pusat Tanggungjawab. (rujuk MPK Modul Akaun Bayaran – Baucar Jurnal iGFMS);

KOD DIPERTANGGUNG														KOD MEMBAYAR				
Bil	Kategori	Subsidiari	Kod akaun	Spe G/L Ind	Pegawai Pengawal	Kump PTJ & PTJ	Vot/ Dana	Program/ aktiviti	Projek	Setia	Sub setia	CP	Amaun (Dt) RM	Amaun (KT) RM	Pegawai Pengawal	Kump PTJ & PTJ	Pejabat Perakaunan	Kod Kegunaan Pusat Tanggungjawab
1	Pembekal	6000253890	L1111107	J	B3	21010101	G000						85,230.00		B3	91031400	1006	
2	Pembekal	6000351002	L1111107	J	B3	21010101	G000							23,420.00	B3	91031400	1006	JKR/IP/CKUB/220/2016
3	Pembekal	6000279920	L1111107	J	B3	21010101	G000							15,600.00	B3	91031400	1006	JKR 50/2012
4	Pembekal	6000311110	L1111107	J	B3	21010101	G000							46,210.00	B3	91031400	1006	JKR/IP/CKUB/010/2015

- c. Selepas perakuan II baucar jurnal para 3.2 (b) tersebut, PTJ perlu log incident (solman) bagi tujuan memaklumkan nombor dokumen kawalan bagi KJ pelarasan yang telah dibuat dan mengemukakan maklumat berkenaan pendeposit mengikut template seperti di Lampiran A. Proses ini perlu dibuat bagi tujuan mengemaskini data induk SST di dalam Table ZAPM006. Log incident ditetapkan seperti berikut:  
Tajuk incident: **Mohon kemaskini data induk SST di dalam table ZAPM006 – deposit WJP**  
Kategori 2: Data Induk  
Kategori 3: Maklumat Pembekal  
Jenis Komplek:
- d. PTJ akan menerima maklum balas (proposed solution) berkenaan dengan tindakan kemaskini Table ZAPM006 telah selesai dilaksanakan;
- e. Proses bayaran pulang balik deposit boleh dibuat menggunakan invoice tanpa PT-bayaran balik WJP (KW). Sila gunakan kod vendor sebenar dan nombor kontrak fizikal seperti di 3.2(b). (rujuk MPK Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan).

